

20 AUG 1998

Mahathir-Kelantan

MAHATHIR LAWAT KELANTAN SABTU INI

KOTA BAHARU, 20 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan lawatan kerja sehari ke Kelantan pada Sabtu ini.

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Luar Bandar Wan Rahmah Kassim berkata Perdana Menteri dijangka tiba di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra pada pukul 9.30 pagi bersama Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Beliau kemudian akan berucap pada majlis Perhimpunan Bersama Rakyat di padang Sekolah Kebangsaan Kampung Chengal, Ketherah 20 km dari sini, pada pukul 10 pagi.

Wan Rahmah memberitahu pemberita di sini bahawa Perdana Menteri dan isteri akan diberi sambutan penuh tradisi oleh kira-kira 1,000 anggota perarakan bermula dari simpang tiga Kampung Chengal hingga ke tapak perhimpunan di sekolah itu.

Selepas majlis perhimpunan bersama rakyat itu, Dr Mahathir akan merasmikan Pejabat Pos Mini Kampung Chengal diikuti perasmian Jambatan Tok Ayah Ali di kampung yang sama.

Sempena lawatan itu Perdana Menteri juga akan melancarkan Gerakan Desa Wawasan (GDW) peringkat kebangsaan sebelum melawat Pusat Latihan Kecemerlangan (PUTRA) yang terletak di kampung itu.

Pada majlis makan tengah hari di PUTRA, Dr Mahathir akan melancarkan Antologi "Tanah Serendah Sekebun Bunga" serta mendengar deklamasi sajak.

Pada sebelah petangnya, Dr Mahathir dijangka mempengerusikan perjumpaan dengan ketua-ketua UMNO bahagian, pemimpin pergerakan pemuda/wanita UMNO bahagian dan pegawai-pegawai penerangan UMNO di Hotel Perdana.

Dr Siti Hasmah pula akan mengadakan perjumpaan dengan isteri-isteri wakil rakyat dan isteri ketua bahagian Barisan Nasional di hotel yang sama.

Perdana Menteri dan isteri dijangka berlepas pulang ke Kuala Lumpur pukul 5.30 petang.

-- BERNAMA

MNR MAI